



BULETIN

POLITEKNIK PORT DICKSON

JUN 2017-NOV 2017

Bil. ISSN:



Gempak **MERDEKA** cetus **SEMANGAT PATRIOTISME** **MS 5**

PROGRAM CSR
RUMAH ANAK
YATIM AMAL
AKHLAK MULIA **MS 3**

PROGRAM
ZIARAH
RAMADHAN
2017 **MS 9**

AKTIVITI
JSKK **MS 12**



Kata Aluan Pengarah

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah SWT, kerana dengan keizinanNYA, dapat kita bertemu kembali melalui penerbitan Buletin PPD Edisi ke 2 tahun 2017.

Sekalung penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada sidang editorial di atas kegigihan dan kesungguhan dalam menghasilkan buletin yang mengandungi berita dan aktiviti yang berlangsung di Politeknik Port Dickson. Sokongan padu kepada semua aktiviti yang dijalankan telah memberi kesan yang baik kepada prestasi PPD sepanjang tahun 2017. Adalah diharapkan agar sokongan ini akan berterusan dan dapat diperkasakan di masa akan datang.

Sepanjang tahun 2017, pelbagai aktiviti telah diatur dan dijalankan bagi meneruskan kecemerlangan politeknik ini. Hasil komitmen dan kerjasama yang jitu dari pelbagai pihak samada pelajar maupun pensyarah, perancangan aktiviti-aktiviti telah dapat dilaksanakan dengan baik. Selain melibatkan warga PPD, masyarakat luar juga turut terlibat menjayakan pelbagai aktiviti dan ini secara tidak langsung mengeratkan lagi hubungan PPD dengan masyarakat luar khususnya yang berada di sekitar kampus PPD.

Adalah menjadi harapan saya agar PPD akan muncul sebagai satu institusi pendidikan awam tersohor yang sentiasa mencipta sejarah dalam melebarkan ilmu dan kemahiran kepada setiap warga politeknik dan individu pada setiap masa. Oleh itu, kita seharusnya mengambil pendekatan terbuka bagi menjalinkan kerjasama yang boleh membanggakan serta berdaya saing mengikut momentum persekitaran.

Akhir kata, saya berdoa supaya segala tingkahlaku dan peradaban kita diredhai oleh Nya bagi meletakkan PPD sebagai peneraju unggul dalam TVET dan mampu bersaing dengan institusi lain di arena antarabangsa.

Sekian, Wassallam.
Roslee Bin Yahya
Pengarah Politeknik Port Dickson



SIDANG REDAKSI

PENAUNG

TUAN ROSLEE BIN YAHYA

PENASIHAT

PUAN YUSMA BINTI YUSOF
TN HJ MOHD ASRI BIN SARBUN

PENYELARAS&KETUA EDITOR

PUAN ROSNIYATI BINTI ABD RAZAK

PEN. KETUA EDITOR

NAGARAJAN A/L MARIMUTHU

SETIAUSAHA

PUTERI NUR ADILATUL ATRAS BT MEGAT HAMARI

EDITOR

AZILAH BINTI ASRI
NOOR HASANAH THAM SHU-YIN
JUHANA BINTI SIMARANI
AZHARIZAL BIN SANTIB
MARWANUL HAKIM BIN MOHD HAKIM
NORAINI BINTI ISMAIL
PARAMESWARI A/P SHUNMUGAM
NORHAFIZ BIN KANAFI
HJH NOOR AZIZAH BT IBRAHIM
FAKHRIAH BT MUHSIN
SITI NOORAIN BT HARUN

REKABENTUK GRAFIK

AZRIN BIN MOHAMMAD
MUHAMAD HAFFIZI BIN JAMIL

JURUFOTO

MOHD SANI LAILI BIN MASLON

Visi Politeknik Port Dickson

Menjadi institusi TVET unggul bertaraf global

Misi Politeknik Port Dickson

- Menghasilkan graduan TVET berkualiti, holistik dan seimbang serta berciri keusahawanan yang memenuhi keperluan negara.
- Membangun dan melestarikan kerjasama pintar dengan pihak berkepentingan dalam dan luar negara.
- Memberi manfaat kepada masyarakat melalui pendidikan, penyelidikan dan inovasi.

PROGRAM CSR

RUMAH ANAK YATIM AMAL AKHLAK MULIA



Sesi bergambar bersama kanak-kanak asnaf, fakir miskin dan yatim-piatu

30 SEPT – Penghuni rumah anak yatim, Rumah Amal Akhlak Mulia di Selayang Baru, Batu Caves, Selangor telah menerima kunjungan muhibbah dan amal bakti daripada 50 orang pelajar Diploma Perakaunan semester 5, Politeknik Port Dickson pada September lalu.

Aktiviti bersama kanak-kanak asnaf, fakir-miskin dan yatim-piatu dalam lingkungan usia 3 hingga 6 yang mengikuti kelas iqra', fardhu ain serta ilmu kemanusiaan.

Impak kepada lawatan ini, para pelajar dapat menyelami kehidupan mereka dan memberi sokongan moral untuk meneruskan kehidupan masing-masing. Antara aktiviti yang berjaya dilaksanakan adalah seperti sesi bertemu-ramah, sukaneka dan penyampaian derma kepada penghuni bersama penasihat akademik mereka, Pn Siti Aisyah Yaman.



Aktiviti yang dijalankan bersama kanak-kanak asnaf, fakir miskin dan yatim-piatu

MICP TALK OLEH CPA MALAYSIA



12 orang pensyarah DAT di Post-Budget Forum 2018

20 Sept – Program MICPA Talk memberi peluang kepada 300 pelajar Diploma Akauntansi semester 3 hingga 5 untuk mengetahui dengan lebih luas bidang perakaunan yang dianjurkan oleh Jabatan Perdagangan di Dewan Kuliah 4. Pegawai Eksekutif Pemasaran MICPA, Muhammad Hasiib bin Shaharuddin telah menerangkan kepada para peserta mengenai kemahiran yang perlu ada dalam usaha untuk memajukan profesyen akauntan di Malaysia serta menjelaskan program-program yang dijalankan oleh pihak MICP. Pengarah program, Pn Hyrida Othman menyatakan harapan agar program ini dapat melahirkan modal insan yang cemerlang, gemilang dan berintergriti dalam bidang perakaunan. Sebelum ini seramai 12 pensyarah bidang perakaunan telah mengikuti Konvensyen Post-Budget 2018 Forum pada 27 November lalu anjuran CPA Malaysia di Sime Darby Convention Centre, Kuala Lumpur.



Para pelajar sedang diberi taklimat

COMMERCIAL ADVERTISEMENT COMPETITION 2017 (CAC 2017)



Pembentngan oleh pelajar



Maklumbalas panel penilai semasa sesi pembentangan

9 Okt – Program Commercial Advertisement Competition 2017 anjuran Jabatan Perdagangan, PPD berjaya mencungkil bakat 76 pelajar DPR semester 4 melalui pembelajaran kreatif dalam menghasilkan video iklan bertemakan *Provide Knowledge Advertisement* bertempat i-Smart Classroom, TeCC, PPD.

Program ini dilaksanakan untuk memenuhi keperluan kurikulum mini projek kursus DPM 5033 Advertising sebagai *learning outcome* yang perlu dicapai.

Pegawai COT PPD selaku juri penilai, Dr. Isham Shah Hassan melihat dari sudut konsep pengiklanan, proses dan strategi yang sesuai dipaparkan sebagai iklan yang baik bagi memenuhi keperluan industri.

KOREAN AND JAPANESE THEMED SALES CARNIVAL



Peserta menyediakan makanan bertema Korea dan Jepun



26-27 Sept – 133 pelajar Diploma Pemasaran semester 3 telah bergabung menganjurkan program jualan makanan bertemakan Korean And Japanese Themed Sales Carnival bertempat di Dataran Pelajar, PPD. Melalui program ini, para pelajar mendapat pendedahan sebenar kepada proses-proses jualan secara praktikal dengan lebih khusus. Bermula dengan mencari pelanggan, mendekati pelanggan, membuat pembentangan jualan sehingga akhirnya berjaya membuat jualan. Secara tidak langsung program ini dapat mencungkil bakat pelajar dalam masakan negara luar.

Pelanggan utama adalah pelajar PoliPD dan mereka berpeluang merasai makanan berkonsepkan masakan Korea dan Jepun. Sepanjang karnival berlangsung selama dua hari 15 kumpulan peserta berjaya melaksanakan aktiviti jualan secara langsung di mana pengalaman ini boleh diteruskan di masa akan datang dengan lebih berkeyakinan.

Menurut pensyarah kursus ini, Pn K.Devaki Kanapathi, program seumpama ini dapat membantu kepada pembelajaran DPM3013 *Sales Management* dengan lebih berkesan.

STUDENTS' EXHIBITION & EVALUATION DAY 2017 (SEED 2017)



Pembentangan oleh pelajar

18 Sept – Pembentangan Projek Akhir Pemasaran Sesi Jun 2017 memberi peluang kepada pelajar DPR semester akhir memperagakan produk inovasi masing-masing untuk dinilai seterusnya dipertandingkan dengan cemerlang pada program Marketing Plan Presentation Day, di Dewan Wawasan, PPD.

Pemarkahan dinilai dari sudut penyediaan proposal, laporan akhir dan juga pembentangan akhir yang kemudiannya dipertandingkan. Pelaksanaan Marketing Plan adalah melalui penghasilan produk inovasi oleh pelajar beserta satu pelan pemasaran produk tersebut. Program ini bertujuan menghasilkan graduan pemasaran yang mampu memberikan kesan yang besar dalam pemasaran sebenar dalam aspek perancangan, kreativiti dan inovasi. Di samping itu juga, pelajar-pelajar lain berpeluang melihat pameran booth produk hasil buah fikiran pelajar ini.



Pembentangan di hadapan panel penilai



Penilaian prototype



Pelajar bersama penghuni Rumah Kasih HARmoni

CSR PELAJAR DSK KE RUMAH KASIH HARMONI

16 Sept – Kunjungan 30 pelajar DSK 5C ke Rumah Kasih Harmoni, Paya Jaras Sungai Buloh, Selangor berjaya menghiburkan 39 penghuni rumah anak yatim berkenaan yang berusia lingkungan 9 hingga 12 tahun. Keprihatinan terhadap generasi muda yang kurang bernasib baik dapat dikongsi bersama-sama bagi menyelami perasaan dan masalah yang dihadapi oleh golongan ini. Pelbagai aktiviti dilakukan bersama seperti sesi *ice breaking*, permainan dan disudahi dengan jamuan *hi-tea*.

Pengarah program ini, Pn Norhayati Tamam berkata komunikasi antara dua peringkat umur ini mampu membantu menghasilkan impian dan harapan positif untuk kekal meneruskan pembelajaran dan kehidupan dimasa hadapan.



Permulaan pertandingan walkathon

GEMPAK MERDEKA CETUS SEMANGAT PATRIOTISME

7 Sept – Program anjuran bersama Kelab Perdagangan dengan Pelajar DSK 5B , Jabatan Perdagangan berjaya melahirkan semangat patriotism dikalangan pelajar dan staf PPD dari pelbagai bangsa dan mereka ini berjaya disatukan dalam Gempak Merdeka Colour Walkthon 2017 yang berunsurkan kesukanan.

Pengarah program ini, Pn Nor Hashimah Ab Hamid memberitahu penyertaan adalah daripada semua jabatan di PoliPD di Padang Softball dan mereka berada disepanjang program berlangsung untuk bersama-sama menyemarakkan aktiviti ini.

Program diceriakan dengan aktiviti senamrobik, zumba, walkathon dan kuiz kemerdekaan. Turut di adakan gerai jualan sepanjang program ini berlangsung

PROGRAM TEAM BUILDING DSK DI KEM BRINDLEY

26-27 Ogos – Seramai 67 pelajar DSK semester 4A dan 4B telah mengikuti program motivasi *team building* selama dua hari di Kem Latihan Brindley, Pasir Panjang di sini. Penganjuran program ini merupakan salah satu aktiviti untuk mengasah *generic skill* peserta dalam kursus *Organization Behavior* (DPK 5033) yang mereka pelajari. Pelbagai aktiviti menarik samada *indoor* dan *outdoor* telah dirancang seperti zumba, permainan sambung lagu, roti beracun, perasa rahsia, susun cawan, *chicken fight*, jual beli huruf dan radio rosak.

Penceramah motivasi En. Mirza Mohamad daripada Baitulummah Holding Sdn Bhd memberikan suntikan motivasi bertajuk “Intrinsic Motivation” kepada peserta agar sentiasa mengharapkan keberkatan di dalam bekerja sepasukan. Kerjasama yang baik telah diberikan oleh pihak kem, di dalam menyediakan fasiliti , penginapan dan sajian kepada para peserta dalam menjayakan program ini.

Program ini berjaya memberi nilai tambah dalam perkembangan modal insan dari aspek kerjasama dalam menyelesaikan tugas dan masalah, merapatkan ukhwah antara pasukan, memantapkan kemahiran kepimpinan, menuntut ilmu dan lebih bertanggung jawab selain mengeratkan silaturahim antara peserta dan pensyarah.



Tn Roslee Yahya , Pn Yusma Yusof dan Tn Hj Asri Sarbun di sambutan merdeka PPD



Peserta tekun mendengar taklimat dari pihak penganjur

Pasukan RIG PPD – Road Tour to Kaohsiung Taiwan 2017

FIRA RoboWorld Cup & Congress

National Kaohsiung First University of Science & Technology

23 – 27, August 2017



TPA Puan Yusma bersama Pasukan Malaysia B (PPD)



Piala Gangsa Untuk Kategori RobotSoccer

23 – 27 Ogos – Pertandingan 22nd Federation of International Robot Soccer Association (FIRA) RoboWorld Cup & Congress 2017 telah berlangsung selama 5 hari bertempat di National Kaohsiung First University of Science & Technology, Kaohsiung, Taiwan. Pertandingan Robot Soccer bagi 5 kategori yang dipertandingkan adalah kategori MiroSot, SimuroSot, RoboSot, AndroSot, dan Hurocup. Pasukan Robotics Interest Group (RIG) sekali lagi menggalas tanggungjawab penyertaan PPD mewakili negara dalam kategori ROBOSOT, selaras dengan kemenangan 1 pingat emas, 1 pingat perak dan 1 pingat gangsa dalam Kategori RoboSot Pertandingan 10th FIRA Malaysia Cup & Congress 2017 bulan Mei yang lalu.

Tahniah dan syabas kepada pasukan RIG PPD yang telah berjaya mengharumkan nama negara dengan memenangi SATU (1) pingat perak dalam Robosot (Avoidance Challenge) dan DUA (2) pingat gangsa dalam Robosot (Passing Challenge) dan Robosot (Soccer 3 vs 3). Penyertaan pasukan RIG PPD dalam kejohanan antarabangsa ini merupakan satu usaha yang memberi impak kepada perkembangan teknologi robotik Negara. Semoga usaha dan komitmen ini akan terus memberikan kejayaan demi kejayaan kepada PPD pada masa akan datang.




Peserta program Team Building DSK



Aktiviti indoor



Pendakian ke Puncak Gunung Stong



Aktiviti memasuki Gua Ikan

PENSYARAH JKM MENANG DALAM PERISA'17



Majlis Penutup di Melaka Mall (2)

4-5 Okt - Pasukan pensyarah JKM yang terdiri daripada En Lim Tian Pau, En Wong Kee Meng dan Pn Tham Sook Chan, yang merupakan hanya satu-satunya pasukan dari Politeknik Port Dickson telah menyertai dalam pertandingan PERISA 2017 (Pertandingan Inovasi Pensyarah TVET Pendidikan Tinggi Peringkat Kebangsaan Tahun 2017) dengan tajuk inovasi "mBook4eLibrary". Dalam pertandingan tersebut, mereka telah dapat memenangi anugerah pingat emas daripada 126 penyertaan yang terpilih, di kalangan Kolej-kolej Komuniti dan Politeknik-politeknik Malaysia (terdapat 30 anugerah pingat emas untuk PERISA 2017 kali ini). Mereka juga memperolehi TEMPAT KETIGA bagi Kategori Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), di mana terdapat sijil, wang tunai serta plug diberikan untuk tempat pertama sehingga tempat ketiga bagi setiap kategori. Untuk makluman juga, Sijil Emas diberikan kepada Kumpulan Peserta yang memperoleh markah 91-100 ke atas. Pendek kata, PERISA yang menyediakan platform kepada semua kakitangan akademik untuk berkongsi amalan terbaik, mengetengahkan inovasi dan kreativiti dalam pengajaran dan pembelajaran serta mengiktiraf usaha mereka dalam pembudayaan amalan inovasi ini seharusnya dapat diteruskan di masa akan datang untuk kebaikan bersama.

PENDAKIAN GUNUNG STONG : JOURNEY POLIPD TO DABONG 2017



Perlepasan peserta pendakian oleh Tuan Pengarah

7-11 September – Satu pengembaraan ke Gunung Stong Negeri Kelantan telah terlaksana dengan jayanya, di bawah pimpinan 2 orang pensyarah Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, En. Mohd Fikri Bin Mohd Soffian dan En. Muhammad Fairuz Hazmi Bin Mohammad Amin, dengan penyertaan dan komitmen padu daripada 27 orang pelajar program DAD352 di bawah kursus Kurikulum DRK3082 – Kembara B. Tujuan program ini diadakan bukan sekadar menikmati keindahan alam di kawasan gua dan gunung, jati diri dan sahsiah pelajar turut dapat dipertingkatkan menerusi pengembaraan tersebut. Elemen kerja berpasukan, setiakawan dan semangat bantu-membantu sesama rakan sekelas dapat diterapkan jua. Secara keseluruhannya, melalui program pengembaraan Dabong selama 5 hari 4 malam ini, pelajar-pelajar dapat merasai kehidupan berkelana secara *backpackers* ke negeri Kelantan dengan menaiki kereta api. Selain daripada itu, para pelajar juga berjaya mendaki puncak Gunung Stong dan mengibarkan Jalur Gemilang di samping menanam semangat cintakan tanah air melalui semarak kibaran tersebut.

LAWATAN INDUSTRI JKM 2 DALAM 1 – SAMSUNG SDIEM DAN YAKULT FACTORY



Bergambar kenangan di ruang legar utama Yakult Seremban

21 Sept – Program Lawatan Sambil Belajar ke Samsung SDI Energy Sdn Bhd dan Yakult Factory, merupakan salah satu aktiviti P&P yang dirancang oleh pensyarah-pensyarah Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Politeknik Port Dickson. Seramai tiga puluh dua orang pelajar telah mengikuti lawatan industri tersebut dengan diiringi oleh 4 orang pensyarah. Tujuan program ini dijalankan adalah untuk memberi pendedahan yang mendalam kepada pelajar-pelajar bagi kursus DJF6102- *Quality Control* atau/dan DJF6092- *Manufacturing Control*, berkaitan dengan pengurusan pengeluaran dan kualiti secara khususnya di industri pembuatan multinasional yang bertaraf prestij di dalam penghasilan sel bateri mahupun minuman sihat.

Di Samsung SDIEM, para pelajar diberi pendedahan yang menyeluruh dari segi latar belakang syarikat, peraturan keselamatan yang perlu diikuti dan pemeriksaan keselamatan yang dijalankan di dalam premis Samsung SDIEM. Di samping itu, mereka diberi peluang keemasan untuk melihat sendiri secara "life" di "production line" tentang proses penghasilan suatu sel bateri, di mana ia merupakan satu pengalaman yang amat bernilai. Di sebelah petang pula, para pelajar didedahkan mengenai teknologi tinggi terkini dalam industri pembuatan minuman Yakult dan potensi bakteria baik pada masa kini. Secara keseluruhannya, para pelajar memberi maklum balas positif bahawa lawatan akademik ini memberi banyak input baru yang boleh diadaptasikan di dalam menempuh alam kerjaya kelak.



Sesi bergambar di Samsung SDIEM

TECHNICAL AND VOCATIONAL TRAINING CORPORATION (TVTC): Collaboration between Saudi Arabia Delegates and PPD

3 – 14 July – The TVTC program for the Saudi Arabian delegate had been conducted for 2 weeks commencing 3rd to 14th July 2017. This short term training schedule was specially designed to fulfill the requirement of the TVTC program. The Saudi Arabian delegate is consists of 29 members. They were divided into 2 groups for training at 2 different places. For the first week, the first group was attached to Petrol Engine System Training Program at Port Dickson Polytechnic. Meanwhile, the second group was attached to Hybrid Engine System Training Program at ADTEC Malacca. After completing the first 3 day-course, both groups were rotated according to the designed schedule at different venue for the following week. For day 4 and day 5 of both weeks, they were brought to industrial site visits at a few automotive industries namely Bermaz Auto Berhad (Mazda 3S) (6 July 2017), Malaysian Automotive Institute (7 July 2017), Proton Holding Berhad (COE) (13 July 2017) and Mitsubishi, Tan Chong Motor Assemblies (TCMA) (14 July 2017). The certificate presentation event was held on 14 July 2017 in front of Hajah Kundur House at Port Dickson Polytechnic upon the completion of the TVTC training. As a whole, the TVTC program has been carried out successfully.

It is hoped that with the knowledge gained through the program, all the delegates will be able to apply the new knowledge and techniques in the field of Automotive when they are back to serve in their country later. It is recommended that such program can be implemented to delegates of other countries as well.



Lawatan ke industri



Perkongsian ilmu dengan pihak industri



Bergambar kenangan dengan pihak industri

PAM ANNUAL ARCHITECTURE STUDENT WORKS EXHIBITION 2017 (PAASWE17) - "STRUCTURA"

10- 15 Okt – Seramai 2 orang pensyarah dan 10 orang pelajar telah terlibat dalam pertandingan ini yang telah berlangsung di 1 Utama Shopping Center, Damansara Utama. PPD merupakan salah satu daripada 21 IPT yang terlibat di dalam pertandingan dan pameran tersebut. Melalui program ini, PPD dapat menjalin hubungan sosial dengan Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM) disamping mengembangkan aktiviti sedia ada yang mempunyai perbezaan tersendiri (distinct) dari perspektif sosial dan jalinan industri. Dengan melibatkan diri dalam program ini para pelajar mengenal pasti dan mengolah ciri-ciri reka bentuk bagi sesebuah booth pameran serta kaedah yang mudah dan ringkas untuk pemasangan di tapak (problem solving and practicality). Disamping itu juga mereka dapat mempertingkatkan semangat bekerjasama dalam kumpulan kecil mahupun besar bagi menjayakan sesebuah program. Ini secara tidak langsung membantu melahirkan pelajar seni bina yang berwawasan, bersemangat untuk menempuh cabaran masa depan dan sebagai persediaan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.



Sesi Penjurian



Pengumuman Pemenang



PD WALL STREET ART

6 – 10 Okt. - Unit Seni Bina, Politeknik Port Dickson telah mengadakan kolaborasi dengan Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD) untuk menaiktaraf bangunan-bangunan lama atau baru di sekitar bandar Port Dickson. Projek kolaborasi yang dinamakan Projek CSR "Wall Street Art" ini bertujuan memberi pendedahan kepada unit Seni Bina Politeknik Port Dickson khususnya pelajar Seni Bina tentang menaiktaraf keindahan landskap bangunan sekeliling dengan reformasi baru yang menjadi ikutan pada masa kini. Ia selari dengan transformasi kerajaan untuk membangunkan sumber pelancongan di dalam negara yang boleh memberi impak yang besar kepada kemajuan industri pelancongan domestik. Projek CSR ini memberikan penekanan kepada upaya inovasi dan kreativiti disamping menghasilkan modal insan yang mempunyai mentaliti kelas pertama dan menepati kehendak pasaran selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 – 2025 (Pendidikan Tinggi) (PPPM)(PT) yang mana pihak industri perlu bekerjasama dengan lebih erat dengan warga pendidikan tinggi dalam transformasi ini. Projek ini melibatkan seramai 42 orang pelajar dan 21 orang pensyarah Seni Bina. Projek ini secara tidak langsung membantu melahirkan pelajar Politeknik yang berfungsi dan memberi sumbangan secara berkesan dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi, berkomunikasi, berfikir secara kreatif dan kritis, serta bertindak sebagai anggota kerja berpasukan yang berkesan.

MAJLIS PRA-GRADUASI

JKA SESI DISEMBER 2017

6 Okt. – Majlis pra-graduasi JKA telah diadakan sebagai penghormatan kepada pelajar semester 6 Diploma Kejuruteraan Awam dan semester 5-6 Diploma Seni Bina. Disamping itu juga ianya adalah untuk menghargai jasa dan pengorbanan yang telah disumbangkan oleh Penasihat Akademik serta pelajar yang telah mendapat keputusan yang cemerlang sepanjang peperiksaan di PPD. Seramai 157 orang pelajar dan 32 orang pensyarah terlibat dalam majlis yang di adakan di Grand Beach Resort ini. Majlis ini secara tidak langsung dapat memupuk semangat kerjasama serta mengeratkan hubungan di antara pelajar dan pensyarah selain daripada mewujudkan rasa menghargai di antara satu sama lain serta memupuk perpaduan di kalangan pelajar yang berbilang kaum untuk berhimpun bersama sebagai sebuah keluarga. Selain jamuan makan, majlis ini juga memperlihatkan persembahan dari pelajar, penyampaian cenderahati kepada Penasihat Akademik dan juga cabutan bertuah.



PROGRAM JELAJAH CELIK IT Zon Port Dickson

13 Jul – 26 Ogos - Jelajah celik IT adalah program yang dirancang sebagai satu usahasama antara pihak Jabatan Matematik, Sains dan Komputer, Politeknik Port Dickson dan Perpustakaan Desa Zon Port Dickson, Negeri Sembilan. Konsep pelaksanaan program ini adalah dengan penjelajahan warga politeknik ke setiap perpustakaan Desa di bawah zon Port Dickson untuk berkongsi ilmu berkaitan komputer dengan pelajar sekolah Rendah di kawasan tersebut. Perisian yang digunakan adalah Microsoft PowerPoint kerana ia bersifat interaktif dan mampan. Ini menarik minat pelajar sekolah terutama dalam membuat pembentangan dan lebih mesra pengguna. Idea Jelajah Celik IT ini dicetuskan bagi memberi ruang kepada pensyarah dan pelajar yang terlibat untuk memberi sumbangan kepada masyarakat luar berkaitan dengan kemahiran yang dimiliki. Matlamat program bukan sahaja untuk memberi kesedaran kepentingan celik komputer kepada penduduk luar bandar, malah membantu warga Politeknik Port Dickson khususnya pensyarah Jabatan Matematik, Sains dan Komputer dalam mempertingkatkan kemahiran softskill serta perhubungan sosial secara praktikal. Program yang telah dirasmikan pada 1 Ogos 2017 ini, melibatkan 5 Perpustakaan Desa iaitu Perpustakaan Desa Taman Intan Perdana, Perpustakaan Desa Pasir Panjang, Perpustakaan Desa Pengkalan Durian, Perpustakaan Desa Sungai Raya, Perpustakaan Desa Chuah. Seramai 80 orang pelajar PPD dan 60 orang pelajar sekolah rendah terlibat dalam program ini dan ianya juga melibatkan semua pensyarah JMSK politeknik ini.



CERAMAH MOTIVASI PELAJAR CEMERLANG POLITEKNIK TERBILANG



8 September - Unit Bimbingan dan Kaunseling Jabatan Matematik, Sains & Komputer dengan kerjasama Jabatan Kejuruteraan Elektrik dan Jabatan Pengajian Am telah menganjurkan Program Ceramah Motivasi bertajuk 'Pelajar Cemerlang, Politeknik Terbilang'. Program ini telah diadakan di Dewan Wawasan Politeknik Port Dickson dan dihadiri seramai 940 peserta yang terdiri daripada pelajar Politeknik Port Dickson dan, 20 orang pelajar Sekolah Menengah Agama Teluk Kemang. Sekolah Menengah Agama Teluk Kemang merupakan sekolah angkat bagi Jabatan Matematik, Sains dan Komputer. Penceramah bagi program ini ialah Prof Adjung Dato Dr Hj Mohd Fadzilah bin Kamsah. Selain itu, beliau juga berpengalaman lebih 30 tahun dalam bidang motivasi. Dato' Dr Hj Fadzilah Kamsah merupakan Presiden DMFK Inspirations Sdn Bhd. Beliau telah mengendalikan lebih 12,000 kursus dalam pelbagai bidang. Dengan pelbagai kemahiran samada dalam bidang penulisan, public figure mahupun motivator, karektor beliau yang sangat dinamik dan merendah diri sentiasa menjadi inspirasi kepada pelbagai golongan. Di akhir program, para pelajar telah mengetahui teknik-teknik yang boleh diaplikasikan dalam mengenal potensi diri. Setelah mengenal diri serta potensi yang boleh dikembangkan pelajar akan dapat memahami pengurusan diri samaada dari aspek rohani mahupun jasmani.



NATIONAL COMPETITION, INNOVATION & INVENTION ON ROBOTICS AND EMBEDDED SYSTEM 2017 (NIRES17)

26-27 Jul - Bertempat di Politeknik Seberang Perai, JKE telah menyertai National Competition, Innovation & Invention on Robotics and Embedded System 2017 (NIRES17) pada 26 dan 27 Julai 2017. Pertandingan inovasi ini bertujuan sebagai platform perkongsian ilmu, inovasi dan teknologi terkini untuk penyelidik, academia, komuniti dan industri dalam bidang kejuruteraan dan Teknologi khusus dalam Robotik dan Embedded System. Penyertaan JKE dalam pertandingan kali ini membuah hasil apabila semua penyertaan dari kumpulan pelajar dan pensyarah ini berjaya mendapat pingat emas dan gangsa.



PERTANDINGAN INOVASI PENGAJARAN (PIP 2017)



25 Julai - JKE telah menyertai Pertandingan Inovasi Pengajaran (PIP) di Universiti Utara Malaysia. Pertandingan ini merupakan platform bagi menunjukkan pelbagai inovasi dalam pengajaran. JKE dengan penyertaan projek Smart Attendance Management di bawah seliaan Encik Mohd Zaiham bin Hamzah bersama 2 orang pelajar JKE telah berjaya mendapat pingat gangsa dan tempat ketiga bagi kategori IPT.

PROGRAM ZIARAH RAMADHAN 2017

14-21 Jun - Kelab Staf Jabatan Kejuruteraan Elektrik dan Kelab Kejuruteraan Elektrik (KKE) Politeknik Port Dickson telah menganjurkan Program Ziarah Ramadhan yang bertujuan untuk menghulurkan bantuan berupa makanan dan duit raya kepada golongan yang memerlukan dalam persediaan menyambut tibanya Syawal. Program yang dijalankan bermula 14 sehingga 21 Jun 2017 itu, melibatkan 16 buah rumah yang terdiri daripada Penduduk Kampung Senaling, Penduduk Kampung Pilah Tengah, Kuala Pilah dan Penduduk Kampung Air Hitam Darat, Masjid Tanah, Melaka. Program yang dianjurkan ini bertujuan untuk membantu meringankan beban mereka yang kurang berkemampuan dalam menyediakan persiapan Aidilfitri dan berkongsi kemeriahan bersama mereka yang berkemampuan. Pengerusi JKKK Cawangan Kampung Air Hitam Darat, En. Abu Bakar Bin Samah merasakan Program Ziarah Ramadhan ini merupakan satu langkah yang baik dalam membentuk peribadi dan sahsiah di mana kita berkongsi nikmat rezeki yang dikurniakan Allah bersama mereka yang memerlukan. Di samping itu, beliau juga mengharapkan agar lebih banyak institusi pendidikan yang tampil dengan program yang seumpunya dalam mengeratkan hubungan bersama komuniti.



PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT POLITEKNIK DI BAWAH PROGRAM 1POLITEKNIK 1KOMUNITI TAHUN 2017



16-17 Sept - Kelab Kejuruteraan Elektrik telah turut serta dalam Program Khidmat Masyarakat Politeknik Di Bawah Program 1Politeknik 1Komuniti Tahun 2017 yang telah diadakan pada 16-17 September 2017 di DUN Juasseh, Kuala Pilah. Kelab Kejuruteraan Elektrik telah diberi tanggungjawab untuk melakukan pendawaian 1 fasa bagi memasang 6 "Spotlight" dan 2 Lampu "Pendafloor" di dewan terbuka Masjid Taman Desa Anggerik dan melakukan kerja-kerja "Troubleshooting" pendawaian di sebuah rumah mesra rakyat di Kampung Sungai Talan. Seramai 10 orang pelajar dan 4 orang pensyarah Jabatan Kejuruteraan Elektrik terlibat dalam kerja-kerja pendawaian yang dijalankan selama 2 hari.



PROGRAM *FREE MARKET* 2017

22-24 Jun - Jabatan Kejuruteraan Elektrik Politeknik Port Dickson telah menganjurkan satu Program *Free Market* Aidilfitri 2017 dengan kerjasama Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) di Kampung Pilah Tengah untuk membantu meringankan persiapan penduduk yang kurang berkemampuan dalam menyediakan persiapan untuk menyambut Aidilfitri yang bakal menjelang. Program yang dilaksanakan selama 3 hari bermula daripada 22 Jun 2017 di Pusat Komuniti Kampung Pilah Tengah bertujuan untuk memudahkan penduduk kampung berhampiran untuk datang mencuba dan mengambil pakaian percuma yang bersesuaian yang terdiri daripada pakaian dewasa lelaki, dewasa wanita mahupun kanak-kanak untuk persiapan Hari Raya. Program ini dijalankan atas inisiatif dan perbincangan bersama dengan Ketua Kampung, Kampung Pilah Tengah En. Kamarul Sham Bin Idris yang begitu komited untuk membantu mereka yang kurang berkemampuan dalam menyediakan persiapan Hari Raya. Dengan adanya program seperti ini, diharapkan bebanan yang ditanggung oleh komuniti, khususnya, Kampung Pilah Tengah dapat dikurangkan. Semoga program sebegini dapat diteruskan pada masa akan datang supaya dapat mengeratkan lagi hubungan di antara institusi pendidikan dan juga komuniti dalam menerapkan nilai murni dan rasa syukur dalam kalangan masyarakat dalam berkongsi kemeriahan Aidilfitri.



JELAJAH MUAMALAH UMMAH BERSAMA POLITEKNIK MALAYSIA (Zon Selatan) & Karnival Muamalah 2017



14-16 Jun. Program ini dilaksanakan secara muafakat diantara pihak YADIM, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Politeknik Port Dickson. Politeknik Port Dickson telah dilantik oleh Jabatan Pendidikan Politeknik sebagai Tuan Rumah dan Urusetia Bersama Program Jelajah Muamalah Ummah bersama Politeknik Malaysia (Zon Selatan) & Karnival Muamalah 2017 bagi lokasi singgah ke 4 Port Dickson yang akan berlangsung pada 14 – 15 Jun 2017. Program yang diatur bertujuan untuk memberi kesedaran terhadap masyarakat Islam khususnya golongan muda terhadap keperluan bermuamalah dengan sistem kewangan Islam yang betul berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah serta menjawab persoalan permasalahan ummah di kalangan masyarakat awam. Bersempena penganjuran program ini di dalam bulan Ramadhan yang penuh berkat, pelbagai aktiviti yang diatur secara bersepadu dengan pihak YADIM dan Politeknik Malaysia seperti Sumbang Muamalah-Harta Dunia Saham Akhirat, Quran Hour, Majlis Berbuka Puasa Perdana JMU2017 & Penyampaian Sumbangan Zakat dan Hari Raya kepada pelajar dan masyarakat dan pelbagai aktiviti yang lain.



MUET ANSWERING TECHNIQUES SEMINAR 2017

15 Sept - Muet Answering Techniques Seminar 2017 was held on 15/9/2017 in Dewan Kuliah 1, Politeknik Port Dickson. Participants were given some inputs on how to answer the MUET paper by the invited speaker. The objective of this seminar is to equip our candidates with the right strategies to ace in the upcoming MUET examination. Based on the feedback received from the participants, we found that that the Muet Answering Techniques Seminar has helped in providing some tips for the participants in preparing for the MUET examination.



PROGRAM KHIDMAT SOSIAL KELAB SAHABAT PERPUSTAKAAN DI CHILDREN DEVELOPMENT CENTRE (CDC) POLIPD



Program kerjasama kemasyarakatan antara pelajar Kelab Sahabat Perpustakaan, Staf Perpustakaan dan Alumni PPD telah berlangsung di CDC PoliPD. Antara pengisian yang dijalankan termasuklah menyiapkan Perpustakaan Mini yang disumbangkan oleh pihak Alumni PPD. Disamping itu ruangan tersebut juga dihias dengan poster berkaitan pembelajaran kanak-kanak. Semua yang hadir pada hari itu terlibat dalam acara melukis, menyanyi. Timbalan Pengarah Akademik iaitu Puan Yusma Yusof telah turut serta memeriahkan acara tersebut dengan merasmikan dan menyampaikan cenderamata kepada pihak CDC dan Alumni PPD.



Hari Sukan Staf PPD 2017



Kontinjen Perbarisan PPD di Sambutan kemerdekaan Negeri Sembilan 2017



Lawn Balls Team Politeknik Malaysia 2017

AKTIVITI JSKK

Sepanjang bulan Jun hingga Disember 2017, pelbagai aktiviti di dalam dan di luar PPD telah dilaksanakan oleh Jabatan Sukan, Ko-Kurikulum dan Kebudayaan. Sebagai sebuah jabatan yang bertanggungjawab merancang dan melaksanakan aktiviti sukan, ko-kurikulum dan kebudayaan, pelbagai aktiviti dan kejayaan yang telah dicapai dan ini secara tidak langsung telah dapat menaikkan lagi nama PPD. Diharapkan dengan sokongan padu dari semua pihak samada pengurusan, pensyarah dan pelajar, lebih banyak kejayaan akan dicapai di masa akan datang.



Team Varsity Malaysia



Majlis Pentauliah RELASIS di PSP 2017



Tempat Ke-tiga di Kejohanan Sofbol AB Terbuka Sarawak 2017